

## Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan\* and Mohd Firdaus Che Yaacob

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300 Kelantan, Malaysia.

**ABSTRAK** – Pada masa lampau, naratif lisan merupakan suatu kebudayaan berbentuk sastera rakyat yang sangat dikagumi oleh masyarakat Melayu. Naratif lisan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui penceritaan mulut oleh nenek moyang untuk menyampaikan pesanan berbentuk pengajaran kepada cucu atau kanak-kanak. Hal ini kerana naratif lisan dianggap sebagai suatu kebudayaan yang tinggi dalam adat resam dan akrab dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kini, penyelidikan yang berfokuskan kepada naratif lisan sewajarnya dijalankan dengan giat kerana rata-rata masyarakat tidak menyedari akan kewujudan naratif lisan. Ia dianggap sebagai bahan tidak berfaedah, rekaan semata-mata, membosankan serta memperlihatkan kemunduran dalam plot cerita. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selanjutnya, unsur kebudayaan ini dianalisis dan diaplikasikan dengan pendekatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Seterusnya, kajian ini bersifat kualitatif, iaitu berpaksikan kepada kaedah kepustakaan dan kajian teks. Hasil kajian mendapati naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan memiliki unsur kebudayaan yang mempamerkan identiti masyarakat Melayu lebih dinamik. Hal ini memberi impak kepada pembangunan sahsiah sendiri golongan kanak-kanak dan remaja untuk lebih menghargai khazanah warisan negara.

### ARTICLE HISTORY

Received: 14 October 2020

Revised: 25 February 2022

Accepted: 29 March 2022

### KEYWORDS

Masyarakat Melayu  
 Naratif lisan  
 Sastera rakyat  
 Unsur kebudayaan

*Cultural elements*  
*Folklore*  
*Folk narratives*  
*Malay community*

## Cultural Elements in Folk Narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan

**ABSTRACT** – In the past, folk narratives, which are a form of literary culture of the local people, were admired by the community. Folk narratives are passed down from generation to generation through oral narration to convey messages in the forms of instructions to the younger generations. This is because folk narratives are considered a cultural aspect which is highly regarded in the customs and life of the people and community. Nowadays, research focusing on folk narratives should be done vigorously due to the general public's lack of awareness of its existence and importance. Therefore, this study was conducted to identify and analyse the cultural elements in the oral narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan using the Teori Pengkaedahan Melayu. The study employed a qualitative approach utilising library search and document analysis. The findings revealed that the oral narratives in Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan consist of cultural elements that reflect the dynamic identity of the community. This has great impact on the individual and personal development of the children and youth in the community, and they were able to appreciate the country's heritage and traditions.

### PENGENALAN

Pada zaman pasca kemerdekaan ini, naratif lisan merupakan salah satu kebudayaan masyarakat Melayu yang wajar dihargai oleh seluruh lapisan masyarakat. Naratif lisan ini diceritakan secara turun-temurun oleh nenek moyang, yang bertujuan untuk menyampaikan pesanan dan iktibar kepada anak cucu untuk mendidik akhlak mereka sewaktu bersosial dengan masyarakat. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat yang disampaikan oleh nenek moyang dapat membentuk moral dan tingkah laku positif kanak-kanak (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014). Kesannya, perilaku yang positif akan mampu membentuk akhlak yang baik dalam diri kanak-kanak pada peringkat awal kerana mereka telah terdidik dengan nilai-nilai murni daripada cerita rakyat yang positif. Selain itu, naratif lisan sememangnya merupakan

kebudayaan masyarakat Melayu yang tinggi kedudukannya. Menurut Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) kebudayaan merupakan undang-undang yang telah digariskan oleh masyarakat Melayu dari zaman berzaman. Kebudayaan ini diwarisi oleh keturunan mereka dan disebarkan secara meluas agar tidak lapuk ditelan zaman. Undang-undang yang telah digariskan dalam masyarakat Melayu kebiasaannya akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakatnya tanpa mengira peringkat umur. Oleh itu, golongan muda yang didedahkan dengan naratif lisan ini akan mengambil nilai-nilai positif dan diterapkan ke dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, menurut Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) naratif lisan berperanan sebagai ekspresi kebudayaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kebudayaan naratif lisan ini menjadi satu amalan turun-temurun yang merangkumi undang-undang, adat, tatacara kehidupan serta pegangan masyarakat. Masyarakat Melayu memegang teguh dengan pegangan pengajaran dalam naratif lisan kerana aspek ini meliputi adat istiadat masyarakatnya. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu dianggap sebagai masyarakat yang kaya dengan kebudayaan. Hal ini kerana melalui kebudayaan sebegini anak-anak diasuh menggunakan pemikiran dalam menentukan hala tuju kehidupan. Maka kebudayaan naratif lisan ini dijadikan pedoman sebagai satu iktibar yang berguna. Sementara itu, menurut Kamus Dewan (2005) kebudayaan merupakan suatu cara kehidupan menerusi tingkah laku individu mahupun kelompok manusia dalam menggunakan cara berfikir, akal budi serta perilakunya dalam mengharmonikan sesebuah komuniti. Kebudayaan meliputi gaya hidup yang diamalkan oleh kelompok tertentu menerusi sistem sosial, ekonomi, politik, agama serta kepercayaan kumpulan tersebut. Natijahnya, gaya kehidupan masyarakat lebih teratur kerana mempunyai prinsip yang kukuh untuk dituruti. Gaya hidup sebegini membuatkan sistem perundangan yang ada mampu mengawal perilaku masyarakatnya.

Selain itu, Aziz Deraman (1975) menyatakan bahawa kebudayaan ialah akal budi manusia dalam menyatukan dua pengaruh iaitu alam dan zaman yang menjadi bukti kejayaan hidup manusia bagi mengatasi halangan melalui perilaku yang bersifat tertib dan aman. Perkara ini disifatkan sebagai satu kebudayaan yang berbeza berdasarkan zaman tertentu. Oleh itu, kebudayaan dianggap sebagai peninggalan sejarah suatu bangsa yang digariskan melalui norma-norma kehidupan menerusi makna rohaniah dan ruang waktu mengikut zaman. Lain daripada itu, menurut Kamus Dewan (2005) masyarakat Melayu didefinisikan sebagai satu komuniti bangsa Malaysia yang menghuni Semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Borneo. Masyarakat ini merupakan penduduk pribumi yang fasih bertutur dalam Bahasa Melayu, beragama Islam, serta mengamalkan tradisi dan adat istiadat Melayu. Kesannya, masyarakat yang mengamalkan tradisi, kepercayaan, dan mampu bertutur dalam bahasa Melayu dianggap sebagai masyarakat Melayu yang mengembangkan adat budaya yang ada dalam masyarakat itu ke seluruh dunia.

Dalam pada itu, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai pendukung dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu dipilih kerana mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang akrab. Teori pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara hidup dan sikap, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Kesannya, masyarakat Melayu mempunyai ketamadunan tersendiri yang unik dan mampu diserap oleh masyarakat lain. Ketamadunan ini kian berkembang dan menjadi amalan masyarakat bukan Melayu juga. Secara kesimpulannya, penyampaian naratif lisan dalam kalangan masyarakat mampu memberi manfaat yang utuh dari aspek perbuatan serta pertuturannya secara turun temurun. Oleh itu, naratif lisan sewajarnya dikekalkan dalam kalangan orang muda bagi membentuk pemikiran yang rasional dan fleksibel dengan keadaan semasa.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pemerhatian awal, didapati terdapat kajian lepas yang mengkaji mengenai naratif lisan di negara ini. Antaranya, kajian oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) menyatakan bahawa kisah ini dinyatakan melalui kebudayaan yang diekspresi oleh masyarakat Melayu dan disampaikan secara ironi, sinisme, sarkasme untuk menghibur selain menyampaikan maklumat serta berfungsi sebagai aspek kerohanian dalam masyarakat. Hal ini kerana kebudayaan naratif ini sangat berkait rapat dengan adat resam masyarakat Melayu. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu memegang teguh kepada kepercayaan mereka pada setiap peringkat umur.

Selain itu, Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) telah menyatakan bahawa karya berbentuk sastera ini sememangnya terhasil melalui imaginasi penyampai bagi menyampaikan maksudnya yang tersembunyi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan warisan budaya Melayu dalam cerita rakyat menerusi konteks kanak-kanak di Malaysia. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kebudayaan dan warisan sememangnya akrab dengan dunia kanak-kanak seperti mana unsur budaya dan nilai yang terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak. Ia juga mendidik kanak-kanak untuk menjaga perilaku positif dalam kehidupan mereka seharian.

Selain daripada itu, kajian lepas oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah memperincikan bahawa cerita rakyat ialah bahasa sastera yang halus, diluahkan oleh tukang cerita kepada masyarakat. Hal ini bertujuan untuk mengawal atau mendukung perundangan mahupun adat resam masyarakat setempat. Maka, masyarakat Melayu khususnya menitikberatkan perlakuan positif dalam kalangan masyarakat. Hal ini menyebabkan pengajaran yang terkandung dalam cerita rakyat diangkat sebagai suatu khazanah berharga oleh masyarakat Melayu.

Dalam pada itu, kajian oleh Ani Omar (2017) telah menjelaskan bahawa cerita rakyat merupakan unsur pemikiran yang mempengaruhi kehidupan kanak-kanak yang merangkumi sosio-emosi, kebijaksanaan dan psikomotor. Hal ini bertujuan mendidik kanak-kanak daripada peringkat awal dengan memaparkan kisah tauladan masyarakat setempat

melalui penggunaan bahasa yang sesuai. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pengertian terhadap kisah tauladan dalam cerita rakyat mampu memberi impak nilai kepada golongan kanak-kanak bagi membentuk keperibadian mereka.

Sementara itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyatakan bahawa medium penyampaian cerita rakyat mulai berkembang melalui penggunaan media pertuturan seperti peralatan artikulasi. Alat artikulasi ialah alatan yang menghasilkan bunyi melibatkan sistem udara keluar masuk ke paru-paru. bagi mengeluarkan bunyi bahasa yang terdiri daripada vokal, konsonan dan diftong. Sebagai contoh alat artikulasi ialah lidah, gigi, bibir dan sebagainya. Penggunaan alat artikulasi ini penting dalam menyampaikan pengajaran dalam cerita rakyat kepada masyarakat setempat dengan penggunaan keunikan nada suara oleh tukang cerita. Di samping itu, kajian lepas oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019) menjelaskan bahawa cerita rakyat ialah warisan yang dipelihara oleh masyarakat Melayu terdahulu sejak zaman berzaman. Hal ini dikelaskan sebagai mitos, legenda dan fantasi masyarakat Melayu yang diangkat dalam bidang sastera Melayu. Namun, arus kemodenan yang berleluasa telah mengubah struktur penyampaian cerita rakyat daripada lisan kepada cetak seterusnya dalam bentuk digital. Hasil kajian mendapati penggunaan gaya digital ini sedikit sebanyak bertujuan mendekati golongan muda kepada unsur budaya tradisional ini yang kian dipinggirkan kerana arus kemodenan disamping medidik golongan tersebut.

Selain itu, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah menyatakan bahawa kehidupan masyarakat Melayu dan cerita rakyat adalah satu bentuk jalinan yang utuh serta mampu membentuk keperibadian yang lebih baik. Hal ini kerana penyampaian cerita rakyat telah menyelitkan beberapa elemen Islam bagi membentuk akhlak positif dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan tentang nilai-nilai Islam yang membentuk akhlak masyarakat menerusi cerita rakyat Melayu. Kajian ini membataskan kepada cerita rakyat dalam teks yang bertajuk Koleksi 366 Cerita rakyat Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai pemangkin kajian yang utuh. Kajian ini turut mengambil pendekatan Teori Takmilah sebagai deduktif yang mampan. Hasil kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat Melayu memperlihatkan nilai-nilai Islam seperti merendah diri, tawakal, bersyukur, taat serta hubungan persahabatan dalam membentuk akhlak masyarakat Melayu dari sudut pandang positif.

Secara tuntasnya, kajian-kajian lepas yang dinyatakan di atas mampu memperjelaskan bahawa aspek jati diri dan nilai murni telah mendapat perhatian pihak sarjana. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompongan daripada aspek kebudayaan dalam naratif lisan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan kembali kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan menerusi masyarakat pada hari ini.

## PENYATAAN MASALAH DAN BATASAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pengamatan awal, kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada sorotan kajian lepas yang diperoleh oleh pengkaji. Oleh itu, berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian yang menyentuh kepada aspek unsur kebudayaan masih lagi tidak meluas dalam dunia penyelidikan cerita rakyat di Malaysia. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menyorot beberapa kajian lepas untuk mengisi kelompongan kajian kali ini. Antara kajian lepas yang giat dijalankan oleh para sarjana di Malaysia ialah kajian yang telah dijalankan oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016), Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), Ani Omar (2017), Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019) dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020).

Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada sorotan kajian lepas tersebut, pengkaji dapat membuktikan bahawa para sarjana khususnya dalam dunia penyelidikan cerita rakyat di Malaysia lebih cenderung menjalankan kajian berfokuskan kepada aspek nilai, nilai murni, nilai budaya. Namun begitu, aspek kebudayaan masih kurang diperinci. Lantaran, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memperluas penyelidikan cerita rakyat ini dalam konteks unsur kebudayaan masyarakat Melayu secara lebih mendalam agar dipelihara dan dipelihara dalam kalangan masyarakat hari ini khususnya golongan kanak-kanak dan remaja. Hal ini, penting bagi memastikan mereka lebih peka dan mengetahui kewujudan cerita lisan supaya dapat mendidik jiwa mereka untuk menghayati serta menghargai khazanah berharga peninggalan nenek moyang. Secara tidak langsung, penyelidikan ini akan mengisi kelompongan kajian dan penyelidikan cerita rakyat sedia ada supaya dapat disebar luas kepada tahap yang lebih membanggakan, khususnya dalam dunia akademik di Malaysia.

Menerusi kajian ini, pengkaji telah membataskan dan memilih beberapa cerita rakyat dalam kajian Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini membataskan sebanyak sembilan naratif lisan iaitu Tok Karim Guru Silat Masyhur, Simbolik Rebana, Pendaratan Jepun di Kelantan, Pemujaan Tok Mekong, Berpuakakah Pengkalan Parit, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu, Pertahanan Benting Pasir serta Pemujaan Pantai. Cerita-cerita ini dipilih secara rawak bagi memperlihatkan aspek kebudayaan menerusi naratif lisan. Selain itu, teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) turut digunakan bagi memperkukuh objektif kajian. Hal ini disebabkan oleh teori ini lebih menekankan aspek tatacara kehidupan yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks sahaja. Kepustakaan merujuk kepada pengumpulan bahan-bahan ilmiah berbentuk buku, artikel dan kamus. Pengkaji membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan. Manakala, kaedah teks merujuk kepada koleksi cerita-cerita rakyat yang dilampirkan pada bahagian lampiran menerusi tesis Doktor Falsafah yang bertajuk Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian

Pengkaedahan Melayu oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Sebanyak 43 buah cerita rakyat telah dimuatkan dalam tesis ini untuk pengkaji pada masa akan datang. Pengkaji telah membaca kesemua cerita rakyat ini dan memilih beberapa cerita untuk dikaji dalam aspek kebudayaan. Pengkaji telah memilih cerita yang dibataskan dalam kajian ini secara rawak dan telah dibaca sebanyak lima kali. Hal ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang sah sama ada naratif lisan ini memiliki unsur kebudayaan orang Melayu ataupun sebaliknya. Hal ini demikian untuk mendorong pengkaji lebih memahami aspek kebudayaan dalam setiap naratif lisan. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan deduktif dalam kajian ini agar analisis kajian lebih sistematik dan mapan.

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Teori ini dipilih kerana ia mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang akrab. Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989, berlandaskan bahawa kesemua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu dalam melahirkan karya sendiri. Sehubungan dengan itu, teori sastera mempamer perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan.

Pengkaedahan Alamiah yang pertama ialah pendekatan gunaan. Kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan ke dalam sesebuah karya sastera. Sebuah karya sastera dan alam perlu berkait antara satu sama lain demi melahirkan karya yang baik dan bermanfaat dalam menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat. Oleh itu, kenyataan ini menegaskan bahawa perkaitan antara manusia dan alam berperanan dalam penghasilan sesebuah karya yang baik dan menarik (Hashim Awang, 2002). Seterusnya, pendekatan moral. Sastera berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan pendekatan moral, bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau tentang peristiwa yang berlaku atau yang telah dilalui oleh manusia, sama ada memberikan kesan positif atau negatif. Pendekatan moral bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunia termasuk kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti (Hashim Awang, 2002). Oleh hal yang demikian, pendekatan alamiah digunakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi pendidikan. Hal ini bertujuan untuk mencapai pembelajaran secara konduktif menerusi komunikasi secara langsung dengan penyampainya.

Selain itu, pendekatan firasat. Sastera adalah suatu kejadian alam semesta yang memberi dan memperkaya pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup ini lebih mengarah kepada pengalaman pencipta karya yang penuh dengan daya kemisterian. Namun begitu, mimpi yang dilalui itu adalah secara sedar dan didasari dengan matlamat dan wawasan yang khusus. Pendekatan firasat sering dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk menentukan pengertian atau pencarian makna mimpi yang dikenali sebagai ta'abir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu (Hashim Awang, 2002). Oleh hal yang demikian, pendekatan firasat telah menggunakan pengalaman yang menjadi erti dalam kehidupan sebagai pembelajaran bagi menyampaikan ilmu.

Seterusnya, pengkaedahan keagamaan yang pertama ialah pendekatan dakwah. Sastera yang menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Menurut Hashim Awang (2002), sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Sehubungan dengan itu, isi kandungan yang kaya dan sarat dengan nilai Islam mampu membuka minda masyarakat untuk terus melakukan kebaikan berlandaskan ajaran agama Islam. Pembelajaran aspek ini menegaskan kandungan dalam Al-Quran dan hadis bagi mempamerkan keteguhan takwa terhadap Allah SWT.

Seterusnya, pendekatan kemasyarakatan yang bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap didapati dalam sastera Melayu. Ia berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia dan tidak secara langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat dari perspektif islam' (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, aspek ini menekankan suatu sistem yang adil dalam kehidupan bermasyarakat. Secara tidak langsung, pendekatan masyarakat berupaya untuk memberi pendedahan terhadap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dan mencari penyelesaian berdasarkan syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial, dan politik dari aspek Islam.

Di samping itu, pendekatan gunaan digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Hal ini menjadikan karya sastera sebagai persoalan pokok. Menurut Hashim Awang (2002) keindahan dalam sastera ialah keindahan yang berlandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam. Oleh itu, pendekatan gunaan ini memperlihatkan bahawa bidang sastera adalah sesuatu yang dicipta oleh manusia menurut sebab, manfaat, peranan serta ukuran dan keseimbangannya. Oleh hal yang demikian, pendekatan gunaan bertujuan memberi manfaat secara bersama oleh manusia sama seperti objek alam yang lain.

Oleh itu, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi menjelaskan kesinambungan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu tradisional. Hal ini disebabkan oleh teori ini lebih menekankan tatacara kehidupan masyarakat Melayu. Maka, setiap tindakan dalam kebudayaan Melayu mencerminkan pengetahuan yang tinggi terhadap adat resamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebudayaan telah mengatur bentuk disiplin yang perlu diikuti oleh manusia yang bertamadun. Oleh hal yang demikian, teori dan kebudayaan masyarakat Melayu sangat berkait rapat bagi memperlihatkan kepercayaan, kesenian, keagamaan, moral serta hukum yang diterapkan dalam komuniti tersebut. Kesannya,



kajian ini mampu memperlihatkan bentuk analisis yang utuh menerusi pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kebudayaan masyarakat setempat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis unsur kebudayaan dalam naratif lisan Melayu. Antara unsur kebudayaan yang ingin dianalisis ialah unsur kebudayaan menerusi sistem kemasyarakatan, unsur kebudayaan menerusi sistem pengetahuan, unsur kebudayaan menerusi sistem agama, unsur kebudayaan menerusi peralatan teknologi dan unsur kebudayaan menerusi kesenian.

Kebudayaan membawa makna pengaturan gaya kehidupan manusia supaya memahami tindakan, cara, serta sikap sewaktu berkomunikasi dengan orang lain oleh Idris Zakaria (2012). Kebudayaan dilihat sebagai pengetahuan berdasarkan kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat dan kemampuan-kemampuan yang diperolehi oleh manusia dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) kebudayaan adalah perilaku sosial yang dijalani oleh sekelompok masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kebudayaan merangkumi aspek antropologi yang melibatkan proses pembelajaran tentang bidang sosial dalam masyarakat setempat. Hal ini menyebabkan kebudayaan ditemui dalam manusia sejagat menerusi kesenian, muzik, ritual serta agama. Oleh itu, manusia akan berdaya saing menampilkan daya kreativiti bagi menonjolkan peradaban serta ketamadunan kelompok masyarakatnya.

### Unsur Kebudayaan dalam Sistem Kemasyarakatan

Noriata A. Rashid (2005), menjelaskan bahawa masyarakat ialah satu komuniti yang mempunyai asas pentadbiran yang kukuh seperti memiliki agama, kepercayaan, dan adat resam. Malah, keteguhan asas pentadbiran masyarakat mampu menghasilkan tiga perhubungan iaitu perhubungan dengan Tuhan, individu sesama individu serta individu sesama alam. Hal ini menyebabkan komuniti itu mampu membentuk sebuah perundangan. Akhirnya, setiap perundangan yang dicipta oleh sebuah komuniti itu akan dituruti oleh setiap ahli masyarakatnya tanpa bantahan. Di samping itu, mengikut Kamus Dewan (2007), masyarakat didefinisikan sebagai satu komuniti yang hidup dalam jumlah besar di sesebuah kawasan. Komuniti mempunyai undang-undang dan tradisi tertentu sebagai jalinan kebudayaannya. Komuniti terdiri daripada individu, keluarga serta kumpulan-kumpulan tertentu di dalamnya. Selain itu, menurut Zurina Mahadi dan Hakil Sino (2018) sistem masyarakat merupakan satu komuniti atau gabungan keluarga yang mempunyai bilangan individu yang banyak untuk mewujudkan sesebuah nilai. Nilai ini diperolehi melalui kekuatan yang utuh terhadap pandangan yang mampu mengubah motif hidup, tingkah laku individu dan munasabah yang kukuh tidak mampu disangkal oleh mana-mana pihak. Oleh hal yang demikian, golongan masyarakat ini mampu membentuk satu perundangan tersendiri bagi pentadbiran komunitinya.

Sehubungan itu, unsur kebudayaan melalui sistem kemasyarakatan dapat dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk Tok Karim Guru Silat Masyhur di bawah:

#### Petikan 1

Diceritakan dalam riwayat bahawa dahulu terdapat seorang guru silat bernama Tok Karim. Tok Karim merupakan seorang guru silat yang amat tersohor dan handal ilmunya pada zaman masyarakat Melayu tradisional. Ramai anak muda datang untuk mempelajari seni silat daripadanya. Keahlian yang dimiliki oleh Tok Karim dalam ilmu seni mempertahankan diri sentiasa menjadi sanjungan dan tumpuan masyarakat setempat.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Berdasarkan petikan 1, sumber menggambarkan kebudayaan dalam sistem kemasyarakatan menerusi watak Tok Karim. Hal ini kerana kehandalan beliau dalam ilmu persilatan bagi mempertahankan diri. Misalnya, ramai anak-anak muda ingin mempelajari ilmu persilatan tersebut daripada Tok Karim. Hal ini berlaku disebabkan oleh sifat Tok Karim yang tidak kedekut ilmu persilatan menjadikan masyarakat ingin mempelajarinya bagi mempertahankan diri mereka.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan menitikberatkan perhubungan sesama anggota komunitinya daripada aspek positif. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan ini menjurus kepada watak seseorang yang berusaha dalam mendidik ilmu persilatan kepada anak muda demi kesejahteraan masyarakatnya. Oleh itu, anak-anak muda akan memiliki jati diri yang kuat dalam mempertahankan komunitinya. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa pendekatan kemasyarakatan mampu memberi pendedahan secara menyeluruh kepada masyarakat sekeliling melalui watak cerita rakyat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk penceritaan yang menekankan masyarakat Melayu untuk menyelesaikan masalah berdasarkan syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial serta politik mengikut perspektif Islam. Oleh itu, satu bentuk sistem yang menekankan keadilan dalam kehidupan bermasyarakat mampu dibentuk dan digarap secara saksama.

Seterusnya, unsur kebudayaan melalui sistem kemasyarakatan turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Berpuakakah Pengkalan Parit yang merujuk kepada contoh petikan 2:

### Petikan 2

Dahulu diceritakan bahawa permainan teri di kampung Pengkalan Parit ini suatu ketika dahulu telah diketuai oleh Pak Bar. Pak Bar begitu handal dalam ilmu bomoh dan boleh mengubati pelbagai penyakit yang dihidapi oleh seseorang. Pak Bar ini dikatakan telah banyak menolong masyarakat dalam proses mengubati penyakit yang dihidapi. Ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh Pak Bar ini telah menyebabkan masyarakat setempat mahupun luar amat menghormati dan menyanjunginya atas dasar jasa yang telah ditaburkan olehnya.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Berdasarkan petikan 2, sumber memperlihatkan kebudayaan dalam sistem kemasyarakatan melalui watak Pak Bar yang handal dalam ilmu bomoh. Hal ini kerana Pak Bar sering membantu mengubati penyakit misteri yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Malah Pak Bar tidak bersikap sombong biarpun mendapat sanjungan daripada masyarakat setempat. Hal ini memperlihatkan bahawa sikap membantu orang lain dituntut bagi membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain melalui perilaku mahupun percakapan.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan yang memperlihatkan setiap tingkah laku yang menggunakan kemahiran komunikasi agar sesebuah gagasan komuniti itu menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Hal ini didorong sifat manusia yang mencari sesuatu perkara bagi mendukung kesejahteraan secara bersama. Oleh itu, kepercayaan dan adat resam yang diamalkan memainkan peranan penting dalam mengukuh elemen ketakwaan dan keimanan bagi seseorang dalam menjalani kehidupan yang lebih baik. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa asas pembentukan sesebuah pentadbiran komuniti lebih menerapkan aspek agama, adat resam serta kepercayaan yang utuh. Hal ini berpunca daripada sikap manusia yang mementingkan pengukuhan keimanan dan ketakwaan seseorang dalam komuniti. Oleh itu, setiap perbuatan yang ingin dizahirkan dalam masyarakat perlu mengikuti landasan agama Islam demi kesejahteraan sejagat.

### Unsur Kebudayaan Melalui Sistem Pengetahuan

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan pengetahuan sebagai sesuatu maklumat yang diketahui oleh seseorang. Hal ini digambarkan sebagai pengetahuan yang tidak mempunyai batas waktu mengikut deskripsi, hipotesis, konsep, teori, prinsip dan prosedur. Penyataan tersebut disokong oleh Yuhanis Che Hassan (2015) dengan menyatakan bahawa pengetahuan mampu diperolehi melalui pembelajaran yang perlu dilalui menerusi pengalaman mahupun amalan individu itu sendiri iaitu melalui pemahaman mengenai sesuatu fakta. Secara tidak langsung, pengetahuan yang diperolehi dikuasai sepenuhnya untuk digunakan pada jangka masa yang panjang melalui prinsip serta konsep mengenai sesuatu fakta. Sementara itu, menurut Naquiah Nahar & Jimaain Safar (2017) pengetahuan adalah bentuk ilmu yang disampaikan oleh guru kepada pelajar mengikut tahap penguasaan ilmu yang ada padanya. Penguasaan ilmu meliputi bidang yang dikuasai oleh guru itu serta menjadi kepakarannya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Oleh hal yang demikian, aspek pembelajaran memainkan peranan penting dalam memberi fakta yang tepat kepada penerimanya.

Seterusnya, unsur kebudayaan melalui sistem pengetahuan turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Tok Karim Guru Silat Masyhur merujuk kepada contoh petikan di bawah:

### Petikan 3

Ilmu-ilmu silat dan kehandalan yang dimiliki oleh Tok Karim kemudiannya diturunkan kepada anak-anak muridnya untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Pada suatu hari, Tok Karim duduk belunjur di halaman rumahnya dan memanggil anak muridnya datang bagi menceritakan dan berkongsi kelebihan yang dikurniakan kepadanya. Tujuan beliau bercerita mengenai ilmu handal yang terdapat padanya bukan sahaja bertujuan untuk menakutkan anak muridnya, malah untuk menanamkan sikap patuh akan arahan yang diutarakan. Tok Karim menceritakan bahawa dia boleh mengangkat batu besar hingga dua atau tiga kali dan meletakkannya di atas betis dengan begitu sahaja.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 3 jelas menunjukkan kebudayaan turut dipaparkan melalui unsur pengetahuan melalui watak Tok Karim. Tamsilnya, watak Tok Karim berkongsi ilmu pengetahuan persilatan yang dimilikinya bersama-sama anak-anak muridnya. Hal ini menyebabkan wujudnya sikap patuh dalam diri anak-anak murid Tok Karim terhadap setiap pembelajaran yang diajar olehnya.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan moral yang meliputi pengamatan mahupun pengalaman seseorang yang mengembangkan ilmu pengetahuan bertambah dari semasa ke semasa kerana adanya penelitian dan daya berfikir yang mampan. Hal ini demikian kerana watak di atas menekankan aspek pembelajaran yang berpanjangan melalui ilmu persilatan. Hal ini mendorong anak-anak muda di penempatan tersebut turut sama ingin mempelajari ilmu persilatan. Ia secara tidak langsung telah mempamer ilmu pengetahuan yang ada pada seseorang manusia yang mampu mengubah gaya kehidupan kepada yang lebih baik. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang berpendapat bahawa aspek moral yang diketengahkan dalam cerita ini mampu memberi satu cerminan positif kepada masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh adat istiadat serta kepercayaan masyarakat Melayu tradisional berdasarkan pengalaman yang dialami oleh seseorang individu. Oleh hal yang demikian, masyarakat yang mengamalkannya akan memiliki daya kreativiti bagi mengekalkan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu mengikut kefahaman masing-masing.

Seterusnya, unsur kebudayaan melalui sistem pengetahuan turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 4

Ketika sedang bersiar-siar, baginda telah memerhatikan seorang nelayan yang baharu sahaja pulang dari lautan sedang menjual ikan tangkapannya itu kepada masyarakat sekitar. Ia telah membuatkan baginda berfikir sejenis. “Bagaimana jika Pantai Pengkalan Datu juga melakukan hal yang sama?”. “Melalui cara ini para pedagang tidak perlu menginap di mana-mana.” fikiran baginda melayang-layang memikirkan hal itu. Sukanya hati baginda setelah mendapat jalan penyelesaiannya, lalu segera diperintahkan para pembesar untuk menghadap baginda di istana.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 4, sumber memperlihatkan watak Puteri Saadong menyelesaikan masalah yang berlaku dalam negerinya. Misalnya, Puteri Saadong memanfaatkan situasi nelayan menjual tangkapannya kepada masyarakat setempat dengan menaiki perahu lalu diaplikasikan kepada golongan pedagang yang datang berdagang ke negerinya. Maka, masalah ketiadaan penginapan para pedagang mampu diatasi oleh baginda dengan mengarahkan untuk berdagang di atas kapal masing-masing.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan firasat, iaitu aspek pengamatan dalam mentafsir keadaan situasi mahupun keadaan sekeliling dapat memberi ruang kepada individu untuk menggunakan akal fikiran yang cerdas bagi mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku. Melalui cerita di atas, wataknya digambarkan sebagai seorang yang memiliki daya pengetahuan yang tinggi dalam memajukan komunitinya. Oleh hal yang demikian, pewartakan ini telah menggalakkan golongan muda untuk sentiasa mempertingkatkan kemampuan diri daripada sudut pengetahuan yang berdinamik agar mampu berdaya saing dengan orang lain. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang berpendapat bahawa aspek firasat menekankan pengalaman hidup yang dialami oleh seseorang individu. Melalui watak cerita di atas, seorang pemerintah menggunakan daya fikir yang kritis dalam menyelesaikan masalah pentadbiran. Hal ini dikatakan demikian kerana watak tersebut memiliki matlamat yang ingin dicapai olehnya. Oleh hal yang demikian, sesuatu kejadian yang berlaku dalam kalangan masyarakat mampu menjadi suatu bentuk pelajaran kebudayaan yang berguna kepada komuniti yang mengamalkannya.

#### Unsur Kebudayaan Melalui Sistem Agama atau Kepercayaan

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan kepercayaan sebagai pengakuan terhadap sesuatu perkara melalui perasaan yakin terhadap sesuatu perkara. Kepercayaan digambarkan sebagai keyakinan yang hadir melalui hati serta penekanan terhadap sesuatu perkara dalam masyarakat. Dalam pada itu, menurut Ayu Nor Azilah Mohamad (2016) telah mengutarakan bahawa kepercayaan adalah asas pembentukan nilai moral bagi memenuhi keperibadian setiap individu. Bahkan pembentukan ini bertujuan agar setiap individu tidak melampaui batas serta mempunyai perikemanusiaan untuk menjaga perhubungan sesama manusia mahupun alam. Natijahnya, kepercayaan atau pegangan agama menjadi satu sokongan padu kepada setiap individu bagi menikmati kehidupan yang lebih sejahtera.

Unsur kebudayaan dalam sistem agama atau kepercayaan turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Berpuakakah Pengkalan Parit merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 5

Pengkalan ini dikenali sebagai sebuah tempat berpuaka kerana kehidupan masyarakatnya yang banyak mengamalkan kepercayaan dan permainan bagi memuja kedatangan alam ghaib. Diceritakan, Pengkalan Parit ini dahulunya dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan permainan teri, makyong, menghantar bala, tempat orang berjamu dan sebagainya. Kebanyakan masyarakat yang hidup pada zaman dahulu amat mempercayai perkara-perkara ini yang dikatakan boleh memberi faedah dalam kehidupan seharian mereka.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 5, sumber memperlihatkan sebuah masyarakat yang mengamalkan pemujaan bagi menyelamatkan nyawa mereka. Hal ini dilihat masyarakat Pengkalan Parit memuja makhluk alam ghaib kerana dianggap memberi manfaat kepada kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, masyarakat setempat mempercayai bahawa sesuatu yang buruk akan terjadi jika mereka gagal untuk melaksanakan upacara pemujaan itu.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan moral yang merangkumi pengalaman hidup yang memberi keteguhan hati seseorang untuk tetap berpegang teguh ke atas sesuatu prinsip berlandaskan kehidupan yang dilaluinya. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) aspek moral lebih memperlihatkan pengalaman seseorang sama ada positif mahupun negatif merujuk kepada kepercayaan yang diamalkan oleh individu tersebut. Hal ini disebabkan oleh daya kreativiti yang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Melayu mampu meningkatkan kebudayaan yang menjadi lambang interpretasi jati diri komuniti tersebut. Oleh hal yang demikian, pembelajaran mengenai kebudayaan masyarakat Melayu mampu ditingkatkan secara konduktif dan mampan.

Unsur kebudayaan dalam sistem agama atau kepercayaan turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu merujuk kepada contoh petikan di bawah:

**Petikan 6**

Pokok tanjung itu juga dikatakan mempunyai keajaiban yang tersendiri yang pernah terjadi kepada orang kampung suatu ketika dahulu. Di Kampung Tanjung Besar itu juga turut terkenal dengan seni persembahan tradisional dan permainan alat muzik seperti Mak Yong, Main Puteri, Menora, Dikir Barat, Wayang Kulit dan sebagainya yang menjadi aktiviti pada waktu lapang penduduk kampung di situ.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 6, sumber ini memperlihatkan pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat kampung terhadap sephohon pokok tanjung. Misalnya, masyarakat akan melakukan pemujaan di bawah pohon tersebut apabila ingin memainkan alat muzik untuk memasuki pertandingan. Oleh itu, alat muzik yang tidak dimainkan dibawah pokok itu tidak akan mengeluarkan bunyi ketika dimainkan sewaktu pertandingan berlangsung. Kenyataan ini disokong oleh Hashim Awang (2002) melalui pemahaman firasat masyarakat akan bersikap optimistik untuk melaksanakan sesuatu kepercayaan kerana tidak ingin berlaku percanggahan pendirian sesama masyarakat.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa pengkaedahan firasat adalah kepercayaan yang utuh terhadap sesuatu perkara yang tidak disangkakan. Pengkaedahan firasat ini dikuatkan lagi dengan hujah daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) iaitu melalui penceritaan berdasarkan cerita di atas yang menggambarkan masyarakat menggunakan ilmu perubatan dan kebudayaan di samping mengamalkan pemujaan sebelum melakukan sesuatu perkara. Akibatnya, masyarakat setempat mengamalkan kebudayaan itu secara turun-temurun kerana bimbang sesuatu yang tidak elok akan terjadi kepada mereka.

**Unsur Kebudayaan Melalui Peralatan Hidup dan Teknologi**

Dalam pada itu, menurut Yusup Hashim (1994) teknologi adalah proses menggunakan alam semula jadi atau produk yang bersifat inovatif dan dinamik bagi kegunaan semua pihak. Sementelah, ia bertujuan memudahkan proses kerja mahupun membaiki sistem yang sedia ada. Dengan berbuat begitu, teknologi dicipta untuk memudahkan urusan manusia bagi satu jangka masa yang panjang dan mampu digunakan bagi semua lapisan peringkat umur. Menurut Kamus Dewan (2007), teknologi sebagai sesuatu perkara yang diperlukan oleh komuniti bagi memudah kehidupan mereka. Teknologi mesti mempunyai unsur dinamik bagi memenuhi keperluan lapisan masyarakatnya. Kesannya, teknologi yang dihasilkan dapat memudahkan pekerjaan masyarakat setempat mahupun peringkat global.

Unsur kebudayaan melalui peralatan hidupan dan teknologi turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Pendaratan Jepun di Kelantan merujuk kepada contoh petikan di bawah:

**Petikan 7**

Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan satu renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebihan kepada pihak Jepun kerana berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 7, sumber memperjelas bahawa pihak Jepun telah merenovasi basikal sebagai langkah penjajahan ke atas negeri takhlukannya. Hal ini kerana tentera Jepun telah mengubah basikal kepada motor berkuasa genetik yang direnovasi kepada alat komunikasi. Oleh itu, tentera Jepun berjaya menakluk Tanah Melayu kerana mereka mempunyai peralatan yang canggih semasa menjalankan aktiviti penjajahan.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan kesenian merangkumi penghasilan idea seiring dengan kecanggihan teknologi menjadikan masyarakat mampu untuk mengolah teknologi yang sedia ada untuk membentuk satu sistem baharu bagi kegunaan masyarakatnya. Pengkaedahan gunaan ini diketengahkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang memperlihatkan masyarakat Jepun yang menggunakan nilai-nilai yang sedia ada untuk mengubah sistem penjaanan motor kepada sesuatu hasil yang pelbagai peranannya untuk digunakan sewaktu menjajah.

Unsur kebudayaan melalui peralatan hidupan dan teknologi turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Pemujaan Tok Mekong merujuk kepada contoh petikan di bawah:

**Petikan 8**

Suatu hari, Mawar telah mengikuti ayahnya ke hutan untuk mencari kayu api untuk jualan dan kegunaan memasak. Mawar adalah budak perempuan yang lembut tetapi tangkas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Mawar sanggup membanting tulang empat kerat untuk menolong ibu bapanya dalam melakukan aktiviti seharian. Sedang dia dan ayahnya mencari kayu, Mawar telah melihat sesuatu yang pelik pada serumpun buluh. Buluh itu agak besar daripada buluh yang lain. Lantas, Mawar telah terfikir untuk membuat tabung untuk menyimpan duit. Duit yang dikumpulnya nanti akan memberikan kehidupan yang cerah kepada keluarga itulah difikirkan oleh Mawar pada ketika itu. Lalu, dia dicatas batang buluh itu.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)



Melalui petikan 8, sumber memperlihatkan watak Mawar ingin membuat tabung dengan menggunakan buluh. Hal ini demikian kerana kesusahan hidup mengajar Mawar untuk belajar menabung. Dengan berbuat demikian, watak Mawar berusaha menjadikan buluh sebagai alat penyimpanan duit.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan firasat yang melibatkan pengamatan kehidupan seseorang selain berkelakuan baik demi memperoleh manfaat terhadap diri mahupun orang sekelilingnya. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menegaskan bahawa setiap perkara yang berlaku dalam masyarakat Melayu tradisional sering diambil sebagai satu bentuk iktibar yang positif. Hal ini dikatakan demikian kerana pengalaman hidup mereka lebih ke arah mencapai matlamat yang belum dipenuhi. Maka, mereka berusaha secara maksimum bagi mencapai wawasan hidup melalui daya kreativiti serta keyakinan yang ada dalam diri individu tersebut. Oleh hal yang demikian, matlamat yang diinginkan mampu dicapai menerusi usaha yang panjang serta keyakinan yang utuh.

Unsur kebudayaan melalui peralatan hidupan dan teknologi turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk *Pertahanan Benting Pasir* merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 9

Benting pasir yang dibina tersebut telah menyebabkan kapal tersebut tidak mampu bergerak ke mana-mana. Ia telah membuatkan para lanun menjadi panik tidak tahu untuk melakukan apa-apa tindakan. Perhatikan kapal lanun telah tersekat, lalu semua pedagang telah turun bagi menangkap lanun-lanun tersebut.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 9, sumber ini memperlihatkan teknologi alam semula jadi iaitu benteng pasir sebagai alat pertahanan negeri. Hal ini kerana kapal lanun yang ingin menakluk negeri tersebut tersekat di benteng pasir lalu berjaya ditangkap oleh para pedagang. Hal ini mengakibatkan lanun-lanun itu diserahkan kepada Puteri Saadong untuk mendapatkan hukuman.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) telah dinyatakan menggunakan pengkaedahan guna merangkumi hubungan alam, iaitu benteng pasir dengan kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan objek alam banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia daripada sudut ekonomi, perubahan serta keselamatan. Oleh itu, manfaat yang diperolehi daripada alam semula jadi telah memberikan satu kepercayaan yang utuh dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) penglipur lara telah menerapkan unsur semula jadi yang memperlihatkan manfaat baik untuk setiap lapisan masyarakatnya. Hal ini menyebabkan satu bentuk pemikiran serta falsafah telah dibentuk dan diterapkan dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh itu, pemikiran dan falsafah tersebut telah menjadi satu bentuk jati diri terhadap masyarakat Melayu.

### Unsur Kebudayaan dalam Sistem Kesenian

Menurut Kamus Dewan (2007), kesenian merupakan karya yang dihasilkan melalui kemahiran serta bakat dalam diri seseorang individu. Ia menggambarkan kehalusan seni itu yang indah dalam mempamerkannya tidak kira melalui gerakan, suara, rupa mahupun permainan tradisional. Seterusnya, mengikut Badrul Azmi, Muhamad Farizuan Rosli & M.S.M Effendi (2014) menyatakan bahawa seni adalah kemahiran atau perilaku yang halus untuk mencerminkan sesuatu kebudayaan kepada masyarakat. Misalnya seni dilihat sebagai seni lukis, tarian, ukiran, nyanyian dan sebagainya. Kesannya, hasil karya yang diperolehi daripada unsur kesenian ini berunsurkan keindahan, kehalusan, dan menarik. Justeru, ia mampu menarik pandangan masyarakat setempat atau global untuk menyaksikannya apabila dipersembahkan.

Unsur kebudayaan melalui sistem kesenian turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur* merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 10

Ilmu silat dan kehandalan yang dimiliki oleh Tok Karim kemudiannya diturunkan kepada anak-anak muridnya untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Pada suatu hari, Tok Karim duduk belunjur di halaman rumahnya dan memanggil anak muridnya datang bagi menceritakan dan berkongsi kelebihan yang dikurniakan kepadanya. Tujuan beliau bercerita mengenai ilmu handal yang terdapat padanya bukan sahaja bertujuan untuk menakutkan anak muridnya, malah untuk menanamkan sikap patuh akan arahan yang diutarakan. Tok Karim menceritakan bahawa dia boleh mengangkat batu besar hingga dua atau tiga kali dan meletakkannya di atas betis dengan begitu sahaja.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 10, sumber ini memperjelas watak Tok Karim yang handal dalam ilmu kesenian persilatan. Hal ini kerana ilmu itu diperturunkan kepada anak didiknya secara terbuka bertujuan untuk menanam sikap patuh dalam diri anak didiknya itu. Oleh hal yang demikian, kesenian persilatan ini mampu untuk mengajar anak didiknya untuk menjaga antara satu sama lain. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa pengetahuan berlandaskan pengalaman mampu mendidik masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebudayaan dengan mewariskannya kepada anak-anak muda.

Unsur kebudayaan melalui sistem kesenian turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk *Pemujaan Pantai* merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 11

Mengikot orang pada zaman dahulu, sesiapa yang hendak turun ke laut mestilah mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan jikalau tidak mahu mengikutinya bala menimpa mereka kerana pernah terjadi dahulu apabila sekumpulan nelayan turun ke laut dan ditimpa bala. Daud terus bertanya kepada Tok Kelahi apakah syarat yang mereka perlu lakukan sebelum turun ke laut. Kata Tok Kelahi “Selepas musim tengkujuh, sebelum kamu semua ingin turun ke laut, kamu mestilah menyembelih seekor kerbau putih. Setiap bahagian kerbau pula akan diletakkan di dalam sampan dan dihanyutkan ke laut untuk diberikan kepada penunggu laut”.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 11, sumber memperlihatkan bahawa kepercayaan masyarakat terhadap aktiviti penyembelihan untuk menjaga keselamatan mereka. Hal ini kerana nelayan percaya akan sesuatu yang buruk akan berlaku jika tidak melaksanakan pemujaan pantai itu sebelum turun ke laut. Maka, mereka berbuat demikian bagi menjaga keselamatan mereka di laut.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan moral yang merangkumi peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap peristiwa mampu memberi impak positif mahupun negatif kepada seseorang manusia yang mengalaminya. Hal ini menyebabkan masyarakat lebih menekankan impak positif ke dalam bentuk penceritaannya. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa pengalaman yang dialami oleh seseorang manusia telah membentuk sebuah jati diri, kepercayaan serta kebudayaan tersendiri dalam kalangan komunitinya. Oleh itu, kepercayaan yang dibentuk mampu mempengaruhi budaya masyarakat kerana keunikan gaya yang dipersembahkan dan mampu diterima oleh khalayak.

Unsur kebudayaan melalui sistem kesenian turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk Simbolik Rebana merujuk kepada contoh petikan di bawah:

#### Petikan 12

Setiap paluan itu mencerminkan keunikan tersendiri. Paluan rebana ini adalah khusus buat raja-raja dan menjadikan satu penghormatan kepada golongan raja dalam kalangan masyarakat. Paluan rebana tidak boleh dimainkan sesuka hati oleh golongan rakyat biasa. Hal ini akan menggambarkan sikap biadap golongan rakyat kepada raja sebagai golongan pemerintah.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018)

Melalui petikan 12, sumber ini menjelaskan bahawa perbezaan paluan rebana dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana ia mempengaruhi sistem kasta yang dimiliki oleh orang Melayu. Oleh itu, masyarakat tidak membunyikan rebana secara sembarangan tanpa perintah golongan raja. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) penyebaran kesenian melalui idea gagasan, perasaan serta luahan kreatif masyarakat yang dikembangkan menjadi identiti bangsanya.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa pengkaedahan gunaan adalah sesuatu yang menggunakan nilai estetika dalam mengeluarkan manfaatnya. Ilmu persilatan yang diajar oleh Tok Karim bukan sahaja untuk mempertahankan diri malah menjadi kebudayaan masyarakat setempat untuk meraikan perayaan mahupun majlis-majlis tertentu. Manakala kesenian acara pemujaan dan paluan rebana juga menjadi satu kepercayaan dan kesenian bagi masyarakat yang mengamalkannya. Oleh itu, ilmu kesenian ini bukan sahaja meliputi kesenian tarian malahan mempunyai kepelbagaian peranan dalam masyarakat.

## KESIMPULAN

Secara tuntas, cerita rakyat mempunyai unsur budaya yang berkaitan dengan peringkat-peringkat sosial dalam sistem kemasyarakatan. Peringkat sosial ini meliputi sistem dan organisasi sosial yang melibatkan kasta seperti peringkat tinggi, sederhana serta rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sebuah cerita mempunyai kasta seperti golongan raja, bangsawan, petani, pentenak, hulubalang dan sebagainya yang membezakan gaya kehidupan masyarakat dalam sesebuah cerita. Hal ini berlaku demikian kerana kehidupan masyarakat Melayu bersifat dinamik dan realistik. Maka, cerita rakyat mampu memperkukuh kepercayaan mereka terhadap amalan yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu diikuti oleh anak-anak muda hingga kini. Hal ini jelas apabila cerita rakyat Melayu diperturunkan kepada anak-anak kerana kepercayaan mereka terhadap pengajaran dalam cerita tersebut. Mereka percaya bahawa cerita-cerita bersifat legenda, mitos dan sejarah akan terjadi kepada mereka jika ia diabaikan. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan dalam kajian ini telah menyerlahkan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Hal ini kerana teori ini mencerminkan daya intelektual masyarakat Melayu tradisional dalam membudayakan adat resam serta tatacara yang melambangkan identiti yang masyhur. Oleh itu, generasi kini seharusnya menanam dan memartabatkan kembali cerita-cerita rakyat dalam kehidupan seharian mereka. Natiujahnya, pengajaran dalam cerita rakyat yang diperoleh mampu mengajar golongan muda untuk mendidik diri mereka mengawal perilaku, percakapan, serta pergaulan sesama masyarakat pada hari ini.

## RUJUKAN

- Ani Omar. (2017). Cerita Kanak-Kanak Berunsur Mitos, Legenda dan Sejarah Membina Kecendikiaan Murid-Murid Sekolah Dalam Hospital. *Journal of Education and Sosial Science*, 7(1), 2289-1552.
- Ayu Nor Azilah Mohamad. (2016). Kepercayaan Kepada Tuhan: Satu Sorotan Dalam Kepelbagaian Agama di Malaysia. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, 22-23 November.
- Badrul Azmi, Muhamad Farizuan Rosli & M.S.M Effendi. (2014). Sejarah dan Apresiasi Senilukis dan Senireka. Universiti Malaysia Perlis. Perlis.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. Thesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal Of Business and Social Development*, 5(2). 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 48-56.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. (2017). Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad Ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 2289-7356.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesatuan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15(2), 232-253.
- Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven. (2016). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Journal Of Business and Social Development*, 24(1), 23-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(1), 93-103.
- Yuhanis Che Hassan. (2015). Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pensyarah dalam Pengamalan Penyelidikan di Politeknik Premier. Thesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yusup Hashim. (1994). Penggunaan Teknologi dalam Inovasi Pendidikan. *Jurnal Pendidikan*, 13(1), 73-95.
- Zurina Mahadi & Hakil Sino. (2018). Hubungan Nilai Masyarakat dan Pembangunan Satu Analisa. *Jurnal Pengajian Umum*, 8(1), 77-94.